



## **MALAYSIA RAIH POTENSI PELABURAN RM11 BILION DAN POTENSI EKSPORT RM500 JUTA DARI LAWATAN RASMI YAB PERDANA MENTERI KE UNITED KINGDOM**

---

Malaysia telah berjaya meraih potensi pelaburan sebanyak RM11 bilion, dan potensi eksport RM500 juta merangkumi produk dan perkhidmatan melalui Lawatan Rasmi Perdana Menteri Malaysia, YAB Datuk Seri Anwar Ibrahim, ke United Kingdom (UK) pada 15 - 19 Januari 2025. Lawatan tersebut turut disertai oleh Menteri Pelaburan, Perdagangan & Industri, YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Aziz.

Semasa lawatan ini, YAB Perdana Menteri telah mengadakan pertemuan bersama 51 kapten industri UK yang mewakili 31 buah syarikat dari sektor pembuatan, perkhidmatan dan perbankan seperti AstraZeneca, GKN Aerospace, Shell, Airbus UK, Prudential, Standard Chartered dan Universiti Nottingham. Di samping itu, YAB Perdana Menteri turut mengadakan pertemuan bersemuka bersama empat syarikat UK yang telah menyatakan hasrat untuk mengembangkan pelaburan di Malaysia.

Potensi pelaburan yang telah diraih melibatkan sektor tenaga boleh baharu, ekonomi digital, automotif, perbankan, hartanah dan petrokimia. Manakala potensi eksport yang dijana ialah bagi produk peralatan dan komponen pesawat, perabot serta makanan dan minuman.

Hubungan ekonomi dan perdagangan Malaysia-UK juga telah membuka lembaran baru dengan mesyuarat sulung Jawatankuasa Bersama Ekonomi dan Perdagangan (JETCO) yang dipengerusi bersama oleh YB Menteri MITI dan rakan sejawatnya. Mesyuarat ini telah memperakukan perancangan kerja untuk meningkatkan kerjasama dua hala dalam bidang-bidang seperti Perdagangan dan Pelaburan; Standard dan Pematuhan; Perusahaan Kecil dan Sederhana; Perkhidmatan Perundangan; Pendidikan; Pertanian, serta Makanan dan Minuman.

Tengku Zafrul berkata, "Lawatan ini telah mengukuhkan lagi hubungan kedua-dua negara khususnya menerusi mesyuarat sulung Jawatankuasa Bersama Ekonomi dan Perdagangan (JETCO) Malaysia-UK yang menyediakan platform untuk kedua-dua pihak memperdalam kerjasama, bertukar idea, dan

meraih peluang terutamanya dengan pelaksanaan keahlian UK di dalam Perjanjian Komprehensif dan Progresif untuk Perkongsian TransPasifik (CPTPP) oleh UK pada 15 Disember 2024.”

Sehingga November 2024, jumlah dagangan Malaysia-United Kingdom adalah RM15.3 bilion, dengan eksport bernilai RM7.83 bilion dan import sebanyak RM7.47 bilion. Dari segi prestasi pelaburan, setakat September 2024, sejumlah 486 projek pembuatan oleh syarikat United Kingdom telah dilaksanakan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM12.49 bilion yang menjana sebanyak 41,630 peluang pekerjaan untuk rakyat Malaysia.

**KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI (MITI)**  
**18 JANUARI 2025**

Tentang Miti:

MITI adalah pemacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara ini sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif di peringkat global. Objektif dan peranannya adalah berorientasikan ke arah memastikan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia dan membantu mencapai matlamat yang dinyatakan di negara ini untuk menjadi sebuah negara maju.

 603-80008000  [www.miti.gov.my](http://www.miti.gov.my)  [webmiti@miti.gov.my](mailto:webmiti@miti.gov.my)



**PEMACU POTENSI GLOBAL**